

# Ubin Tides

## Perutusan daripada Pengerusi, Friends of Ubin Network

Rakan-rakan dan Teman-teman sekalian,

Dengan sukacitanya saya ingin berkongsi dengan anda pelancaran semula surat berita Ubin, *Ubin Tides*. Nama "*Ubin Tides*" mencerminkan pasang surut kehidupan di Ubin, sesuai dengan harapan kami agar surat berita ini dapat meraikan warisan Ubin dan menyorot inisiatif-inisiatif baru yang berfaedah.

Kali terakhir *Ubin Tides* diterbitkan ialah hampir 15 tahun lalu. Sejak itu, banyak yang telah berubah, tetapi daya tarikan Ubin tetap sama. Dilancarkan pada tahun 2014, Projek Ubin merupakan komitmen kami untuk mengekalkan Ubin sebagai tempat yang dikenali ramai untuk percutian desa - tempat untuk mengenang masa lalu dan meraikan masa kini, serta untuk dilindungi demi masa hadapan. Dengan tumpuan terbaru *Friends of Ubin Network* untuk menggalakkan penglibatan penduduk dan saranan-saranan mereka untuk meningkatkan masyarakat, warisan serta sejarah pulau ini, sesuai masanya untuk kami menghidupkan semula *Ubin Tides*. Dengan cara ini, para penduduk dan pengunjung boleh mengikuti berita-berita terkini dan program-program yang diadakan di pulau ini.

Keluaran *Ubin Tides* kali ini memaparkan projek-projek yang bertujuan meningkatkan mutu kehidupan penduduk dan kerja-kerja NParks dalam memelihara kebersihan serta penyelenggaraan infrastruktur (muka 3). Pada Februari lalu, NParks dan Kawan Ubin juga telah bekerjasama untuk menganjurkan pesta Balik Kampung yang pertama untuk para penduduk dan bekas penduduk (muka 3). Kami berharap dapat bekerjasama dengan anda untuk meningkatkan dan melindungi pulau yang istimewa ini bagi tahun-tahun mendatang.

Seperti biasa, kami mengalu-alukan sebarang idea baru anda untuk Pulau Ubin. Semoga anda gembira membaca *Ubin Tides* dan saya harap dapat berjumpa anda sekalian (di Ubin) tidak lama lagi.

Yang benar,  
Desmond Lee  
Menteri Pembangunan Masyarakat dan Keluarga  
Menteri Kedua Pembangunan Negara



# Projek Ubin

Dilancarkan pada tahun 2014, Projek Ubin ini bertujuan meneruskan projek-projek yang ada sekarang dengan kerjasama masyarakat bagi meningkatkan secara sensitif sekitaran semula jadi Ubin. Ia juga bertujuan mengekalkan warisan dan keindahan desa yang ada untuk generasi warga Singapura pada masa hadapan. Untuk membantu mencapai matlamat ini, Friends of Ubin Network (FUN) telah dibentuk. Ia dianggotai oleh para belia, penduduk, penyelidik, sukarelawan dan anggota-anggota daripada pelbagai pertubuhan warisan dan alam semula jadi. Secara bersama, rangkaian teman-teman ini mempelopori inisiatif Projek Ubin, yang tertumpu pada lima bidang. Kami paparkan beberapa usaha yang telah dijalankan sejauh ini.

## Masyarakat, Warisan dan Sejarah

Projek Ubin menggalakkan kumpulan-kumpulan masyarakat secara aktif menganjurkan dan mengetuai inisiatif untuk membantu membuat perbezaan di pulau ini. Usaha-usaha kemasyarakatan utama termasuk majlis rumah terbuka tahunan Pesta Ubin, Majlis Balik Kampung, dan pemulihan struktur kampung. Sebuah rumah tradisional yang telah diperbaharui ialah Teck Seng's Place, sebuah rumah kampung asli Cina yang dibuka untuk orang ramai mempelajari tentang warisan budaya Pulau Ubin. Banyak gambar dan barangan yang dipamerkan di dalam rumah ini telah disumbangkan oleh masyarakat setempat Pulau Ubin.



Hampir 140 penduduk dan bekas penduduk bersama keluarga mereka bertemu semula dalam Majlis Balik Kampung anjuran Kawan Ubin pada 24 Februari 2018. Majlis yang diserikan dengan pelbagai acara permainan, makan malam, tayangan filem dokumentari dan sesi "lohei" adalah yang pertama dalam siri majlis pertemuan masyarakat.  
Gambar oleh: Geoffrey Benjamin

## Pendidikan dan Penyelidikan

Sebagai kemudahan bersepadu untuk pengajian lapangan, pendidikan dan pendekatan masyarakat, Ubin Living Lab (ULL) menjadi tempat bagi pelbagai program pendidikan dan pendekatan masyarakat, aktiviti penyelidikan, serta perkhemahan luar sejak ia dibuka pada Februari 2016. ULL juga menempatkan arboretum bakau, yang mempamerkan pelbagai spesies bakau di Singapura.

Sukarelawan juga menyumbang kepada Kajian Menyeluruh Biodiversiti Ubin atau Comprehensive Ubin Biodiversity Survey (CUBS) yang sedang berjalan dalam masa dua tahun ini. Data yang dikumpulkan dari kajian ini akan membantu dalam pengurusan warisan semula jadi, peningkatan habitat dan projek pemulihan spesies, serta perancangan penyelidikan masa hadapan.



Sukarelawan sedang menjalani sesi latihan bagi Kajian Menyeluruh Biodiversiti Ubin (CUBS)  
Gambar oleh: Vilma D'Rozario

## Riadah Berasaskan Alam Semula Jadi

Para pengunjung kini boleh menikmati alam semula jadi Pulau Ubin secara lebih meluas lagi hasil pelbagai sumbangan masyarakat seperti lawatan baru sekeliling pulau dan gambar-gambar di Pusat Pengunjung Chek Jawa dan Galeri Alam yang baru diperbaharui. Para pencinta rama-rama dari ButterflyCircle juga menyediakan tulisan serta gambar-gambar bagi plak tafsiran baru di Bukit Rama-rama. Di Kebun Buah-Buahan Ubin pula, pelajar-pelajar Politeknik Ngee Ann menanam lebih 30 spesies pokok buah-buahan tempatan, sementara pelajar-pelajar Sekolah Tinggi Perempuan Nanyang pula membuat papan-papan tanda pendidikan berdasarkan spesies yang ditanam.



Beberapa orang sukarelawan membantu menganjurkan Lawatan Kampung dan Lawatan Rustic Reflection. Mereka membawa pengunjung melawat sekeliling Ubin untuk menikmati dan mempelajari lebih banyak tentang budaya dan warisan semula jadi pulau itu.

## Reka Bentuk dan Amalan Lestari

Diperkenalkan pada tahun 2017, Ubin Way adalah kod tatalaku untuk menggalakkan pelawat mengamalkan tingkah laku sosial dan ekologi yang bertanggungjawab apabila berada di pulau itu. Pelawat juga digalakkan belajar lebih lanjut mengenai penduduk kampung dan Ubin melalui perbualan mesra. Dimulakan dan disokong secara kolektif melalui Friends of Ubin Network (FUN), ia dipromosikan di seluruh pulau melalui papan-papan tanda, video dan talian. Ketahui lebih lanjut mengenai Ubin Way di [www.ubin.sg](http://www.ubin.sg).

## Pemuliharaan Biodiversiti

Dengan input dari FUN, usaha untuk memulihara dan memperkenalkan kembali kepelbagaian biologi asli dimulakan melalui peningkatan habitat dan program pemulihan spesies. NParks telah melibatkan beberapa rakan untuk memulihkan hutan, tanah paya bakau air tawar, bakau dan habitat pantai, serta mencari jalan untuk meningkatkan populasi semulajadi tumbuhan dan haiwan yang jarang-jarang didapati. Pelajar dari sekolah-sekolah seperti ITE College (Timur) juga membantu pemantauan rumah-rumah kelawar, sarang memerang dan sarang burung tempua (*Ploceus philippinus*), burung bertekak biru pemakan lebah (*Merops viridis*) dan burung bersayap merah (*Vanellus indicus*). Haiwan Kelawar (*Megaderma spasma*) kini bersarang di dua buah rumah kelawar yang disiapkan pada tahun 2016.

Sebagai sebahagian usaha pemulihan yang diterajui masyarakat, Restore Ubin Mangroves (R.U.M.), sebuah bengkel dua hari mengenai pemulihan bakau telah dianjurkan pada bulan Februari 2018, di mana para peserta menghasilkan idea-idea bagi kerja pemulihan untuk masa hadapan.



Pelajar-Pelajar ITE College (Timur) menggunakan endoskop untuk memantau kegiatan di dalam sarang tiruan bagi memerang berkuku kecil Asia (*Aonyx cinereus*).  
Gambar oleh: Buddhima Dinushini Williams

# Agensi pengurusan pusat untuk Pulau Ubin

Friends of Ubin Network (FUN) telah menghasilkan idea untuk mempunyai sebuah agensi tunggal bagi menguruskan Pulau Ubin dan menangani secara holistik serta menyelaraskan isu-isu pengurusan pulau itu. NParks memainkan peranan agensi pengurusan pusat untuk pulau itu sejak pertengahan 2016. Selain daripada pengurusan kehijauan, pemuliharaan alam, pengurusan rekreasi dan jangkauan awam, NParks kini mengambil alih fungsi tambahan seperti penyelenggaraan jalan raya, jambatan, longkang, pantai, tasik kuari dan tanah perkuburan. Model pengurusan ini membolehkan NParks mempunyai lebih banyak pengawasan terhadap Pulau Ubin, dan menguruskannya dengan lebih baik untuk mencapai visi Projek Ubin.

NParks juga menguruskan Lesen Pendudukan Sementara (TOP) yang dikeluarkan kepada penduduk tempatan Pulau Ubin, dan melanjutkan tempoh lesen tersebut daripada setahun pada tahun sebelumnya kepada tiga tahun. Ini menambah keyakinan penduduk kampung tentang hasrat pemerintah untuk membenarkan mereka tinggal di situ dan menyumbang kepada daya tarikan desa di pulau tersebut.

Berdasarkan maklum balas yang dikumpulkan daripada penduduk kampung, NParks telah memulakan kerja-kerja peningkatan masyarakat, termasuk menyediakan perkhidmatan pungutan dan pelupusan sampah, bekalan pemadam kebakaran, dan pembaikan longkang serta jalan.



Masyarakat tempatan mengalu-alukan bantuan untuk melupuskan kira-kira 15 tan sampah besar dan serpihan yang telah terkumpul selama berpuluh-puluh tahun.

Pembaikan longkang-longkang di Kampung Utama untuk mengurangkan banjir dan menangani isu-isu kebersihan serta keselamatan awam.



Kerja-kerja pembaikan jalan memudahkan perjalanan pergi dan balik ke rumah-rumah penduduk.



Penyediaan pemadam kebakaran membolehkan anggota rumah dan peniaga mengawal kebakaran kecil daripada merebak.



Tong-tong sampah serta perkhidmatan pungutan dan pelupusan sampah menggalakkan penduduk tempatan dan pelawat sama-sama menjaga kebersihan Ubin.

# Temu ramah bersama Ria Tan

**Pencinta alam Ria Tan mengendalikan wildsingapore.com, laman web mengenai hidupan liar Singapura, dan menyumbang kepada usaha-usaha pemuliharaan di Singapura. Ikuti lebih lanjut mengenai semangat kembarnya – pemuliharaan dan Pulau Ubin.**



**Anda terlibat secara aktif dalam usaha-usaha pemuliharaan kelautan. Apa yang menecetuskan minat anda dalam pemuliharaan?**

Saya bukan ahli sains dan tidak mempelajari sains selepas pengajian GCE peringkat A. Penglibatan pertama saya dalam alam liar di Singapura ialah sebagai jurupandu sukarelawan di Paya Bakau Simpanan Sungei Buloh. Melalui sukarelawan dan orang-orang di Paya Bakau Simpanan Sungei Buloh ini, saya mendapat tahu tentang Chek Jawa, kira-kira enam bulan sebelum projek penambakan di sana dimulakan. Saya melawat Chek Jawa dan tertawan pada keindahannya. Sejak itu, saya melibatkan diri secara lebih meluas sebagai jurupandu dan dalam lain-lain program kesedaran yang berkaitan dengan Chek Jawa. Apabila projek penambakan Chek Jawa ditangguhkan, saya membantu NParks menubuhkan sistem panduan sukarelawan di sana. Kemudian saya meneroka lain-lain kawasan pantai Singapura. Kini, saya menjalankan kaji selidik intertidal (antara kawasan pasang dan surut) secara tetap: 100 hari setahun meliputi 50 lokasi pantai. Saya juga telah membantu melatih para jurupandu pantai untuk Pulau Semakau dan Taman Kelautan Pulau Subar Laut dan Subar Darat (Sisters Islands).

**Sebagai anggota Friends of Ubin Network, bagaimanakah ini membantu anda menyumbang kepada perkara-perkara dan projek pemuliharaan di Ubin?**

Saya benar-benar mendapat inspirasi daripada seruan Menteri Kedua Pembangunan Negara Desmond Lee untuk tindakan masyarakat bagi

Pulau Ubin di bawah Friends of Ubin Network. Sebagai penyahut seruannya itu, saya telah melibatkan diri dalam dua inisiatif utama untuk pulau ini.

Pertama ialah Hari Ubin yang merupakan RumahTerbuka tahunan gaya kampung di Pulau Ubin. Bermula sebagai satu acara sehari, ia dinamakan semula sebagai Pesta Ubin dan kini diadakan selama beberapa minggu dengan Hari Ubin sebagai acara penutup besar-besaran.



Para sukarelawan semasa Hari Ubin 2017

Yang kedua ialah inisiatif Restore Ubin Mangrove (R.U.M.) yang menyatukan mereka yang bersemangat untuk memulihkan bakau di dalam kolam-kolam akuakultur yang terbiar di pulau itu. Ini termasuk pertumbuhan-pertumbuhan bukan pemerintah (NGOs), institusi pengajian tinggi, individu dan syarikat-syarikat komersial.



Sukarelawan R.U.M.

**Selepas terlibat secara aktif dalam usaha pemuliharaan selama bertahun-tahun, apakah ada apa-apa yang dapat anda capai dari bucket list atau senarai perkara yang ingin anda lakukan tetapi belum tercapai? Apakah pencapaian anda yang paling membanggakan?**

Saya tidak mempunyai apa-apa senarai keinginan yang tertentu. Saya sudah cukup teruja apabila dapat melihat hidupan liar biasa. Chek Jawa, dan Pulau Sekudu yang berdekatnya adalah antara tempat yang paling saya sukai. Saya telah melihat laluan makanan dugong di Chek Jawa Wetlands pada hampir setiap perjalanan saya ke sana, dan saya cukup gembira setakat mengetahui ia ada di sana, walaupun tidak benar-benar melihatnya.

Balik Chek Jawa adalah sesuatu yang memberi keseronokan di hati saya. Saya tidak menganggapnya sebagai pencapaian peribadi saya, tetapi sebaliknya ia adalah pencapaian seluruh masyarakat kita. Diperkenalkan pada tahun 2016, acara tahunan ini mengumpulkan sukarelawan daripada pelbagai kumpulan untuk meraikan Chek Jawa selama sehari semasa Pesta Ubin.

Saya gembira kerana inisiatif ini dapat mengumpulkan mereka yang suka pada Paya Bakau Chek Jawa seperti Naked Hermit Crabs, Team Sea Grass, the Toddycats, Restore Ubin Mangroves (R.U.M.) dan kakitangan NParks serta para sukarelawan.



Balik Chek Jawa dalam 2017

**Ramai warga Singapura yang berminat untuk membantu persekitaran dan hidupan liar tetapi tidak dapat memberikan khidmat sukarela kerana komitmen lain mereka. Apa pengorbanan yang perlu anda buat? Apa nasihat anda untuk pencinta alam semula jadi yang berminat membantu?**

“ Saya suka bekerja di pantai kita, jadi saya tidak merasakan ia adalah satu pengorbanan. Saya percaya sesiapa saja boleh memainkan peranan mereka hanya dengan melawat pantai dan berkongsi pengalaman dengan kawan-kawan mereka. Dengan meningkatkan kesedaran, anda sudah boleh membuat perbezaan. Saya membentuk wildsingapore.com untuk membantu mereka yang ingin belajar dan lakukan lebih banyak untuk tempat-tempat liar Singapura. Seperti yang ditunjukkan di slogan kita, anda boleh membuat suatu perbezaan! Cukuplah dengan menerokai tempat-tempat kehidupan liar kita, nyatakan atau kongsi apa yang anda telah lihat dan rasakan, serta bertindak untuk menjaga tempat-tempat liar kita. ”